

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2006/2007

Oktober/November 2006

**HKN 202 – KAJIAN TEKS MELAYU KLASIK**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

...2/-

- 2 -

1. Tidak ada buku atau manuskrip lain yang boleh menggambarkan masyarakat Melaka dengan cara yang lebih baik dan jelas selain dari *Sejarah Melayu (Sulalatus Salatin)*

(Zainal Abidin Wahid)

Bincangkan pernyataan tersebut dengan menumpukan perhatian kepada aspek politik dan ekonomi.

2. Sejauhmanakah motif mimpi, fitnah dan mahkota dalam *Hikayat Hang Tuah* memainkan peranan penting dalam perkembangan plot hikayat tersebut?
3. Sejauhmanakah watak Seri Rama dalam *Hikayat Seri Rama* dapat mencerminkan keidealan seorang penganut Hindu khususnya dalam menempuh tahap-tahap kehidupan (asramadharma)?
4. Bincangkan kedudukan *Hikayat Panji Semirang* sebagai sebuah cerita panji. Terangkan dengan jelas unsur-unsur kejawen yang terdapat dalam hikayat itu.
5. Bincangkan dengan kritis mitos kedatangan Islam yang tergambar dalam *Sulalatus Salatin* dan *Hikayat Merong Mahawangsa*. Pada pendapat anda, mengapakah mitos tersebut digambarkan seperti itu?
6. Sejauhmanakah teks-teks sastera Melayu klasik berjaya membawa persoalan “kebaikan melawan kejahatan”? Jelaskan unsur pengajaran yang boleh anda perolehi daripada motif ini.
7. Berdasarkan hujah-hujah yang bernes, kemukakan kritikan moral terhadap watak Hang Jebat dalam *Hikayat Hang Tuah* dan watak Rawana dalam *Hikayat Seri Rama*.

- ooo0ooo -